

## PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2012



Rajah 1. Dato' Hamzah Zainudin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tengah) bergambar kenangan bersama penerima sijil MPOB CoP, dan Skim Cantas untuk semua (SCANS) semasa perasmian Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2012.

### KANDUNGAN

- Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2012 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - *Integrasi Bebiri Barbados Blackbelly dengan Sawit* 4
- Kenalilah...  
*Integrasi Foraj Sorghum dengan Sawit* 6
- Kuiz Sawit 8
- Sudut Kreatif Sawit 9
- Sembang Sawit 10
- Sedutan Akhbar 11
- Tahukah Anda? 13
- Diari & Peristiwa 15
- Berita Bergambar 16
- Profil Komoditi 19
- Peladang Jaya 21
- Direktori MPOB 23
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 27



Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2012 telah berlangsung pada 10-11 September 2012 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah. Persidangan yang bertemakan *Pekebun Kecil Penggerak Transformasi Sawit Negara* telah dihadiri oleh 394 peserta yang terdiri daripada pekebun kecil, pengusaha sawit, para pegawai dari pelbagai agensi pengembangan serta sektor swasta yang terlibat dalam industri sawit khususnya sektor pekebun kecil.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Dalam ucapan perasmiannya, beliau mengingatkan pekebun kecil tentang peranan penting mereka dalam memacu kemajuan industri sawit negara. Daripada keluasan 5 juta hektar sawit, hampir 40% diusahakan oleh pekebun kecil yang terdiri daripada pekebun kecil persendirian dan agensi kerajaan. Ini membuktikan sektor pekebun kecil merupakan salah satu komponen penting bagi industri sawit selaras dengan tema persidangan kali ini.

Pekebun kecil memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan industri sawit negara dan kemajuan ekonomi yang dicapai oleh pekebun kecil ini bukan sahaja akan merangsangkan kemajuan ekonomi luar bandar malah sekali gus akan menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara.

*Bersambung ke muka surat 2*

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.



## Sidang Pengarang

PENASIHAT  
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI  
Hj Ahmad Sidek Stroo

TIMBALAN PENERUSI  
Hj Idris Omar

KETUA PENYUNTING  
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING  
Hj Wahid Omar  
Hj Suboh Ismail  
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali  
Dr Ahmad Tarmizi Hashim  
Ab Aziz Md Yusof  
Hj Che Johari Mamat  
Ayatollah Khomeini Ab. Rahman  
Noor Asmawati Abd Samad

SETIAUSAHA  
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

Menurut beliau juga, pencapaian yang membanggakan pada 2011 adalah selaras dengan matlamat yang telah digariskan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit. Kerajaan telah mensasarkan industri sawit sebagai salah satu peneraju utama bagi menjana pembangunan ekonomi negara ke arah pencapaian status negara berpendapatan tinggi dan maju dengan sasaran sumbangan kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM 178 bilion menjelang 2020 berbanding dengan RM 78.7 bilion pada 2011. Sejarah dengan unjuran peningkatan pendapatan industri sawit, purata pendapatan tahunan pekebun kecil juga dijangka akan meningkat sebanyak 47% iaitu daripada RM 4794/ha pada 2010 kepada RM 7047/ha pada 2020. Bagi memastikan objektif di bawah NKEA Sawit dicapai, sebanyak lapan *Entry Point Project* (EPP) sedang dijalankan.

Dato' Hamzah Zainuddin turut memaklumkan di bawah EPP1, kerajaan telah menyediakan bantuan kepada pekebun kecil untuk menanam

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Setiap dua tahun sekali Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit. Tujuan utama persidangan ini ialah untuk menyampaikan teknologi terkini tanaman sawit kepada penanam sawit terutamanya pekebun kecil. Persidangan ini juga memberi peluang kepada penanam sawit untuk saling berbincang dan bertukar pendapat bagi memajukan tanaman sawit mereka. Pada tahun ini, Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit diadakan pada 10-11 September 2012 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah dengan tema Pekebun Kecil Penggerak Transformasi Sawit Negara. Pemilihan tema persidangan ini membuktikan peranan pekebun kecil sangat penting bukan sahaja akan merangsangkan kemajuan ekonomi luar bandar malah sekali gus akan menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan telah memilih industri sawit untuk dijadikan sektor yang lebih dinamik dan kompetitif pada masa akan datang melalui proses transformasi. Bagaimanapun, faktor penting pencapaian matlamat peningkatan produktiviti pekebun kecil terletak di bahu pekebun kecil sendiri. Ia banyak bergantung kepada sikap dan daya usaha yang telah dan akan dilaksanakan. Berjaya atau gagalnya pencapaian hasrat tersebut memerlukan komitmen yang tinggi dan aktif di kalangan pengusaha termasuk pekebun kecil.

Selain daripada mengamalkan pertanian baik dan menggunakan teknologi baru dalam pengurusan sawit bagi meraih pendapatan yang lumayan, MPOB juga menggalakkan pekebun kecil sawit mengamalkan integrasi sawit dengan tanaman atau ternakan bagi menambah pendapatan mereka. Kajian integrasi ternakan dan sawit yang telah dijalankan membuktikan ia berdaya saing untuk diusahakan. Oleh kerana kebanyakan tanah pertanian di negara ini telah digunakan untuk penanaman sawit, kawasan ini seharusnya juga dimanfaatkan untuk pemeliharaan ternakan secara integrasi bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap daging import. Sudut Teknologi kali ini membincangkan kesesuaian integrasi bebiri di kawasan sawit.

Hasil penyelidikan yang dijalankan oleh MPOB ke atas kesesuaian penternakan bebiri jenis *Barbados Blackbelly* di kawasan sawit menunjukkan ia

Bersambung ke muka surat 3

*Sambungan dari muka surat 2*

sangat berdaya maju dari segi teknikal dan ekonomi. Baka ini dapat menyesuaikan diri dengan baik di persekitaran sawit. Dari segi teknikal, prestasi baka ini adalah sama dengan baka yang ditenak di kawasan yang lebih subur. Selain dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui jualan secara terus, usaha mengintegrasikan bebiri dengan sawit selaras dengan polisi pembangunan ternakan negara masa kini yang menumpukan kepada usaha meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan produk ternakan berkualiti tinggi di pasaran tempatan sekali gus membuka ruang untuk dieksport. Selain itu teknologi integrasi foraj sorghum (*Sorghum vulgare*) dengan sawit merupakan tanaman baru yang cuba diperkenalkan di Malaysia sebagai foraj dalam industri ternakan. Kajian yang dijalankan telah membuktikan foraj sorghum mempunyai potensi yang baik untuk diintegrasikan dengan sawit sebagai pembekal foraj segar kepada industri ternakan di Malaysia.

Selain berfungsi sebagai badan penyelidikan untuk industri sawit negara, MPOB juga mengambil inisiatif menawarkan Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) iaitu kursus kemahiran kepada belia tempatan mengendalikan peralatan mekanisasi sawit. Ini selaras dengan Dasar Komoditi Negara untuk membangun dan memperkasakan modal insan dalam memacu pemodenan dan meningkatkan daya saing industri komoditi negara. Diharapkan dengan adanya program ini juga, lebih ramai generasi muda akan menceburkan diri dalam industri sawi dan menjadi pekebun kecil sawit yang berjaya.

*Sambungan dari muka surat 2*

semula pokok sawit atau mengusahakan tanaman sawit baharu. Untuk tujuan ini, peruntukan sejumlah RM 297 juta telah disediakan bagi tempoh 2011 hingga 2013 untuk pekebun kecil menanam dengan bahan tanaman sawit yang bermutu bagi menjamin pengeluaran hasil sawit yang tinggi. Di bawah program ini, bantuan sehingga RM 9000/ha disediakan merangkumi bekalan anak benih sawit berkualiti, input pertanian dan pengurusan tanaman mengikut Amalan Pertanian Baik. Di samping itu, pekebun kecil yang mempunyai keluasan kebun tidak melebihi 2.5 ha juga layak dipertimbangkan untuk Bantuan Penyelenggaraan Kebun sebanyak RM 500 sebulan selama tempoh dua tahun.

Selain daripada inisiatif di bawah NKEA Sawit, Kementerian telah mengubal Dasar Komoditi Negara bagi tempoh 2011 hingga 2020. Dasar



Rajah 2. Dato' Hamzah Zainudin ketika melawat tapak pameran MPOB. Turut kelihatan Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB (kanan), Dr Ahmad Kushairi Din, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) (dua dari kanan) dan Tn Hj Idris Omar, Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (tiga dari kiri).

ini bertujuan untuk menetapkan hala tuju pembangunan bagi memperkukuhkan peranan serta sumbangan industri komoditi kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam konteks pembangunan industri sawit, antara fokus utama adalah untuk memantapkan sektor pekebun kecil melalui penubuhan koperasi pekebun kecil. Galakan untuk pekebun kecil menyertai gerakan koperasi turut ditekankan di bawah EPP 2 NKEA Sawit. Selain daripada menyertai gerakan koperasi, pekebun kecil turut digalakkan untuk memperoleh persijilan di bawah Amalan Pertanian Baik dan Kod Amalan Baik MPOB. Persijilan ini akan dapat memastikan minyak sawit yang dihasilkan dari buah sawit keluaran pekebun kecil adalah berkualiti, mampan dan memenuhi lain-lain piawaian yang ditetapkan.

Beliau turut menyarankan agar pekebun kecil dapat memanfaatkan sepenuhnya khidmat nasihat Pegawai TUNAS MPOB. Dalam usaha untuk meningkatkan penerimaan Amalan Pertanian Baik ini, pegawai TUNAS MPOB sentiasa bersedia memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil. Ini adalah kerana penanaman dengan baka sawit berkualiti dan pematuhan Amalan Pertanian Baik serta penglibatan aktif pekebun kecil dalam Koperasi Penanam Sawit Mampan akan dapat membantu meningkatkan produktiviti dan pendapatan industri sawit negara.

Sempena majlis perasmian persidangan kali ini, Dato' Hamzah Zainuddin telah menyampaikan Sijil MPOB CoP dan MPOB GAP untuk estet dan pekebun kecil, dan menyerahkan

*Bersambung ke muka surat 12*

## SUDUT TEKNOLOGI

### INTEGRASI BEBIRI BARBADOS BLACKBELLY DENGAN SAWIT

Kajian integrasi ternakan dan sawit yang telah dijalankan membuktikan ia berdaya saing untuk diusahakan. Oleh kerana kebanyakan tanah pertanian di negara ini telah digunakan untuk penanaman sawit, kawasan ini seharusnya juga dimanfaatkan untuk pemeliharaan ternakan secara integrasi bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap daging import. Bagi mengkaji kesesuaian integrasi bebiri di kawasan sawit, MPOB telah menjalankan kajian kesesuaian penternakan bebiri *Barbados Blackbelly* di Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Sarawak.

#### Pemilihan Kawasan

Langkah awal yang perlu diambil untuk menjalankan integrasi ternakan bebiri di ladang sawit adalah pemilihan kawasan. Bagi memastikan produktiviti sawit dan ternakan berada pada tahap yang optimum, kawasan sawit yang dicadangkan untuk diintegrasikan perlu mempunyai sawit yang berumur lebih dari lima tahun. Petunjuk lain yang boleh digunakan adalah apabila pelepah sawit yang paling rendah mempunyai ketinggian melebihi 1.2 m dari permukaan tanah. Ini bagi memastikan bebiri yang dipelihara tidak meragut daun sawit kerana tindakan ini boleh menjejaskan tumbesaran sawit. Kawasan ragutan yang ditetapkan juga tidak boleh melibatkan kawasan berkecerunan melebihi 25° bagi mengelakkan ternakan terpaksa mendaki bukit untuk mendapatkan makanan. Pertumbuhan ternakan yang optimum sukar dicapai jika ternakan menggunakan tenaga yang banyak bagi mendapatkan makanan.

#### Kandang

Sebuah kandang bebiri berlantai atas perlu dibina dengan ketinggian lantai 1.6 m dari tanah dan jarak ketinggian lantai dengan bumbung 3.6 m. Anggaran keluasan yang diperlukan bagi setiap ekor bebiri dewasa adalah 1 m<sup>2</sup>. Kandang perlu dibahagikan kepada beberapa petak untuk memisahkan bebiri berdasarkan umur. Petak itu perlu bagi memisahkan pejantan, bebiri bunting, bebiri dewasa dan anak yang baru

lahir. Kandang yang dibina perlu dilengkapi dengan palung makanan dan air. Sebuah bilik stor perlu disediakan untuk menyimpan makanan tambahan, ubat-ubatan dan vitamin. Tangki air bersih juga perlu disediakan.

#### Pengurusan Ternakan

Kaedah pengurusan ternakan yang dicadangkan bagi integrasi dengan sawit adalah sistem semi-intensif. Sebagai permulaan, saiz kumpulan ternakan yang dicadangkan adalah 50 induk betina dengan 3 ekor pejantan bagi kawasan ragutan 10 ha. Bebiri akan dilepaskan meragut pada siang hari dan akan dibawa masuk ke kandang menjelang senja (*Rajah 1*). Makanan tambahan perlu disediakan apabila ternakan berada di kandang pada waktu malam atau ketika cuaca buruk.

Makanan tambahan juga perlu disediakan memandangkan ragutan pada siang hari hanya dapat menampung 60% dari keperluan makanan bebiri yang sebenar. Pelepah sawit yang telah di-



Rajah 1. Bebiri dilepaskan ke petak ragutan pada siang hari.

pangkas boleh dijadikan sumber makanan yang murah. Ia boleh diberikan terus kepada ternakan tanpa perlu diproses (*Rajah 2*). Selain itu, pelet bebiri komersial juga boleh diberikan dan disimpan di stor makanan.

#### Pengurusan Ragutan

Ragutan secara terkawal hanya dapat dilaksanakan menggunakan pagar elektrik mudah alih. Pagar ini berfungsi untuk mengoptimumkan ragutan ternakan di kawasan dan masa tertentu. Jika ternakan dibiarkan bebas meragut tanpa kawalan, ia mungkin akan meragut di kawasan yang baru disembur racun rumpai. Ini akan mendedahkan bebiri kepada bahaya kematian. Pagar elektrik yang digunakan dalam sistem ini sama seperti pagar elektrik yang digunakan untuk mengawal lembu. Perbezaan kedua-dua sistem ini adalah jenis wayar yang digunakan, iaitu jenis wayar *tape* dan arus elektrik yang digunakan untuk mengawal bebiri hanya 1.2 kv sahaja (*Rajah 3*).

Bersambung ke muka surat 5

*Sumbangan dari muka surat 4*

Sebelum dilepaskan untuk meragut, ternakan akan diperkenalkan dan disesuaikan dengan penggunaan sistem pagar elektrik terlebih dahulu. Lazimnya, proses ini akan mengambil masa selama 5-7 hari. Bebiri yang liar atau sukar dikendalikan perlu disingkirkan dari kumpulan ternakan. Proses penyesuaian ini biasanya dijalankan



Rajah 2. Pelepah sawit yang telah dipangkas dijadikan sumber makanan.



Rajah 3. Bebiri meragut di paduk yang dipagari dengan pagar elektrik.

dalam kawasan kandang berpagar bagi mengelakkan bebiri yang baru sampai hilang atau terlepas ke kawasan lain.

### Singkirkan

Penyingkiran ternakan dijalankan untuk memastikan setiap ternakan menunjukkan prestasi yang optimum bagi memastikan pulangan yang maksimum. Terdapat beberapa punca yang menyebabkan bebiri itu tidak lagi produktif contohnya tua, rekod kelahiran yang tidak memuaskan, dijangkiti penyakit yang tidak ekonomik untuk dirawat, tidak aktif atau terlalu gemuk. Anak jantan yang berusia setahun harus dijual sebagai sumber pendapatan projek dan pejantan perlu ditukar setiap tiga tahun.

### Pengurusan Kesihatan

Penyakit bebiri yang biasa berlaku di kawasan sawit adalah serangan cacing, *Caesous lymphede-*

*nitis*, cirit-birit disebabkan oleh bakteria, radang paru-paru dan puru. Langkah pencegahan yang boleh diamalkan bagi mengelakkan penyebaran penyakit adalah dengan menghadkan pergerakan ternakan ke dalam kumpulan. Melalui sistem ini, peningkatan populasi dalam kumpulan ternakan berlaku dengan pemilihan dara pengganti daripada induk yang berpotensi. Rancangan kesihatan kumpulan ternakan juga perlu diberi penekanan yang melibatkan aktiviti seperti pemberian vaksin, ubat cacing dan penilaian tumbesaran ternakan (Rajah 4).



Rajah 4. Anak yang baru lahir diberi makan ubat.

### Prestasi Barbados

Baka *Barbados* bersifat jinak dan mudah diurus sama ada ketika meragut atau di kandang. Purata kadar kelahiran yang dicatatkan ialah 1.8 anak/induk/tahun. Purata berat anak yang dilahirkan ialah 3.0 kg bagi jantan dan 2.5 kg bagi betina. Purata berat bagi bebiri dewasa pula ialah 56.5 kg bagi jantan dan 40 kg bagi betina. Kadar kematian setiap tahun bagi anak bebiri berusia kurang tiga bulan adalah sebanyak 10% dan hanya 5% bagi anak yang lebih dewasa serta induk. Baka ini juga berpotensi kerana ketahanan yang tinggi terhadap penyakit, mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran dan makan semua jenis rumput lembut.

### Kesimpulan

Integrasi bebiri *Barbados Blackbelly* di kawasan sawit sangat berdaya maju dari segi teknikal dan ekonomi. Baka ini dapat menyesuaikan diri dengan baik di persekitaran sawit. Dari segi teknikal, prestasi baka ini adalah sama dengan baka yang ditenak di kawasan yang lebih subur. Selain dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui jualan secara terus, usaha mengintegrasikan bebiri dengan sawit dapat mengurangkan import negara terhadap daging kambing/bebiri.



Sumbangan:  
Dr Kamil Azmi Tohiran  
(kamil@mpob.gov.my)

## KENALILAH... INTEGRASI FORAJ SORGHUM DENGAN SAWIT

Dasar Pertanian Negara Ketiga telah menggariskan peningkatan produktiviti melalui penggunaan sebidang tanah pertanian yang diusahakan. Sehubungan itu, MPOB telah mengenal pasti bidang integrasi tanaman dan ternakan perlu dipergiatkan di kawasan tanaman sawit di Malaysia. Beberapa model teknologi telah dikenal pasti untuk dimaju dan diketengahkan kepada industri sawit negara untuk digunakan bagi membantu dan meningkatkan pendapatan pekebun sawit. Di antara teknologi tersebut adalah integrasi foraj sorghum (*Sorghum vulgare*) dengan sawit (Rajah 1). Ia merupakan tanaman baru yang cuba diperkenalkan di Malaysia sebagai foraj dalam industri ternakan (Rajah 2). Kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa integrasi foraj sorghum bersama sawit tidak menjejaskan pertumbuhan dan hasil sawit. Selain mempunyai nilai pemakanan yang tinggi pada ternakan, foraj sorghum juga akan menggalakkan perkembangan industri ternakan negara. Teknologi yang diperkenalkan ini, mengesyorkan sumber foraj baru dan juga jika diusahakan secara komersial boleh memberikan pulangan pendapatan yang baik kepada pekebun sawit.


Pendekatan yang diambil oleh MPOB dalam menjalankan kajian penanaman foraj sorghum secara integrasi bersama sawit menggunakan sistem dua baris mampu menjamin bekalan foraj berkualiti yang berterusan di samping dapat memaksimumkan penggunaan tanah. Integrasi foraj sorghum di kawasan sawit menggunakan sistem sawit dua baris mampu memberikan kepadatan tanaman sorghum sebanyak 71 428 pk/ha (Rajah 3).



Rajah 1. Foraj sorghum berumur 55 hari lepas tanam dalam sistem sawit dua baris.



Rajah 2. Foraj sorghum segar sebagai makanan ternakan lembu.



Rajah 3. Tanaman foraj sorghum dalam sistem sawit dua baris.

### Penanaman dan Penyelenggaraan Foraj Sorghum

Mengikut kaedah sistem tanaman sawit dua baris, sawit ditanam dalam dua barisan dan jarak barisan ialah 15.2 m (Rajah 3). Jarak tanaman sawit dalam dua barisan pula ialah 6.1 m x 9.1 m dengan kepadatan tanaman sawit sebanyak 136 pk/ha, iaitu sama dengan sistem tanaman segi tiga biasa yang mempunyai jarak tanaman 9.1 m x 9.1 m x 9.1 m.

Pembajakan tanah dijalankan sebanyak tiga pusingan, iaitu dua kali bajak piring dan satu kali bajak putar pada kedalaman 20–25 cm. Kawasan yang dibajak dibiarkan 5-7 hari sebelum pusingan pembajakan yang berikutnya dijalankan bagi memusnahkan rumpai dan perosak akibat terdedah kepada panas matahari. Pengapuran dijalankan selepas kerja membajak piring kedua, iaitu sebelum kerja bajak putar bermula pada kadar 1.0 t/ha. Jenis kapur yang digunakan ialah *ground magnesium limestone* (GML).

Penanaman dijalankan pada cuaca yang sesuai, iaitu pada musim hujan yang sederhana (Februari-April). Bekalan biji benih yang berasal dari Australia boleh diperolehi daripada pembekal tempatan yang berlesen. Foraj sorghum ditanam pada jarak 70 cm antara barisan dan 20 cm dalam barisan (*Rajah 3*) dengan kadar biji benih 7 kg/ha. Penanaman dilaksanakan secara tugal atau jentera selepas pembajaan asas dijalankan. Pusingan pembajaan yang berikutnya dijalankan selepas 5-7 hari program penuaian pertama hingga ketiga dijalankan. *Jadual 1* menunjukkan program pembajaan yang dijalankan.

Kawalan rumpai secara manual dijalankan 25-30 hari/pusingan bagi setiap bulan, iaitu bersamaan 2-3 pusingan semusim.

**JADUAL 1. PROGRAM PEMBAJAJAN FORAJ SORGHUM DI KAWASAN TANAMAN SAWIT**

Jenis baja	Baja asas (kg/ha/musim)	Baja tambahan (kg/ha/musim)
Compound 15:15:15	500	-
Triple Superphosphate	98	-
Muriate of Potash	75	-
Urea*	-	150

#### Penuaian dan Hasil

Penuaian pertama boleh dijalankan apabila tanaman sorghum berumur 50-55 hari. Kebiasaannya sebanyak empat pusingan penuaian dijalankan semusim. Penuaian kedua dan yang berikutnya boleh dijalankan dalam jangka masa 35-40 hari selepas setiap penuaian. Kaedah penuaian dengan memotong keseluruhan bahagian tanaman 25-30 cm dari paras permukaan tanah menggunakan sabit yang tajam (*Rajah 4*). Tunas baru sorghum akan tumbuh dan berkembang sehingga berumur 35-40 hari sebelum program penuaian berikutnya boleh dijalankan (*Rajah 5*). Bahagian tanaman yang telah dituai boleh terus dijual atau dijadikan sebagai makanan ternakan. Sorghum perlu diracik pada saiz 3-4 cm menggunakan mesin pemotong (*chopper*) sebelum diberikan pada ternakan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa maklumat yang berkaitan potensi hasil foraj sorghum dan nilai pemakanannya berbanding rumput napier telah dikumpulkan (*Jadual 2*).



*Rajah 4. Penuaian foraj sorghum secara manual menggunakan sabit.*



*Rajah 5. Tunas foraj sorghum yang berumur 25 hari selepas tuaian pertama.*

#### Penutup

Model integrasi tanaman dengan sawit sistem dua baris juga boleh dipraktikkan untuk menanam foraj sorghum dengan sawit bagi mengatasi masalah kekurangan kawasan pertanian dalam negara. Integrasi sawit telah terbukti tidak memberikan kesan negatif ke atas pertumbuhan dan penghasilan tanaman sawit. Foraj sorghum mempunyai potensi yang baik untuk diintegrasikan dengan sawit sebagai pembekal foraj segar kepada industri ternakan di Malaysia. Di samping mempunyai nilai pemakanan yang baik berbanding foraj yang lain, ia juga membantu meningkatkan pendapatan pekebun sawit serta menyumbang kepada perkembangan industri ternakan dan ekonomi negara.

## ????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat penyertaan

- Terbuka kepada semua pembaca *Warta Sawit* kecuali warga kerja dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau cetakan komputer;
- Tarikh tutup penyertaan pada **1 Februari 2013**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas dan lengkap kepada:

Kuiz Warta Sawit  
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
*u/p: Unit Pengembangan dan Latihan  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan*



1. Berapakah jumlah teknologi yang telah berjaya diperkenalkan oleh MPOB kepada pihak industri melalui Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) sejak 1986?
2. Berikan tiga objektif pengurusan pengairan di tanah gambut?
3. Berikan empat pengelasan kumpulan tanah gambut tropika di Malaysia?
4. Berikan tiga faktor utama yang mempengaruhi pengiraan harga BTS di Malaysia?
5. Apakah amalan pembajaan yang dilakukan oleh Peladang Jaya Hj Sangidi Kamari di kebun beliau?

**\*DAPATKAN JAWAPAN UNTUK SOALAN KUIZ BERDASARKAN ARTIKEL  
DALAM WARTA SAWIT BIL. 51 (2)/MEI-OGOS 2012.**



## KEK KELAPA



### Bahan

- 75 g majerin (berasaskan minyak sawit)
- 50 g mentega
- 2/3 cawan gula halus
- 2 biji telur
- 1/3 cawan air panas
- 1 ¼ cawan tepung naik sendiri
- 1 cawan (90 g) kelapa kering
- 1 camca teh esen kelapa
- 1 camca besar kelapa kering (hiasan)

### Bahan ising

- 185 g gula ising
- 55 g mentega
- 12 ml susu UHT atau susu cair
- 5 ml esen vanila
- 1 camca teh pewarna merah

### Cara membuatnya:

1. Sapu tin pembakar berukuran 14 cm x 21 cm dengan sedikit marjerin, alas dengan kertas kemudian sapu dengan marjerin.
2. Gaul kelapa kering dengan air panas dalam mangkuk dan asingkan.
3. Dengan menggunakan mangkuk yang berasingan, pukul marjerin (berasaskan minyak sawit), mentega, gula halus hingga kembang.

4. Masukkan telur sebiji demi sebiji dan kacau hingga sehati.
5. Masukkan tepung naik sendiri yang telah diayak dan kacau hingga sehati.
6. Tuang ke dalam tin pembakar dan bakar pada suhu 180°C selama 1 jam.
7. Keluarkan kek dan sejukkan.
8. Apabila telah sejuk, sapu ising di atas kek dan tabur dengan kelapa kering untuk hiasan.
9. Potong dan siap untuk dihidang.

### Ising

1. Pukul mentega, gula ising yang telah diayak dan esen vanila hingga kembang.
2. Campur susu dan kacau sehingga sehati. Titikkan sedikit pewarna merah.
3. Letak mangkuk tadi di atas air panas. Kacau hingga rata dan lembut.
4. Sapu pada kek.

Sumber: NOR AINI IDRIS (2005). *Seri Sawit - Koleksi Resipi dari Berita Sawit*. MPOB, Bangi, Selangor.

Sambungan dari muka surat 9

### PENGUMUMAN


Para pembaca dari MPOB dipelawa untuk menghantar bahan sumbangan bagi Sudut Kreatif Warta Sawit. Bahan sumbangan boleh meliputi resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap. Pembaca juga hendaklah menyertakan nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

#### Sudut Kreatif Warta Sawit

Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur

u/p: Unit Pengembangan dan Latihan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

SEMBANG SAWIT



# SEDUTAN AKHBAR

**Tajuk : TANAMAN SAWIT BERI PENDAPATAN RM 2B MENJELANG TAHUN 2020**

**Tarikh : New Sabah Times , 16 Disember 2012**

Tawau - Kerajaan memfokuskan untuk melihat tanaman komoditi sawit akan dapat memberi pendapatan sebanyak RM 2 bilion menjelang 2020.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok menyatakan komoditi berkenaan pernah merekodkan harga RM 2250 sekilogram pada 2009. Menurutnya, tanaman sawit merupakan satu daripada 12 tanaman utama dan terbesar negara dengan keluasan tanah sebanyak lima juta hektar daripada jumlah 6.6 juta hektar tanah yang digunakan untuk pertanian.

“Kita sekarang sedang fokus hulu dan hiliran, hulu ini kita ingin melihat sawit yang tua diganti dengan yang baru, guna klon baru dan guna kaedah pertanian yang baik,” katanya.

**Tajuk : PEJABAT MPOB KOTA MARUDU DIRASMI**

**Tarikh : Berita Harian, 1 Disember 2012**

Kota Marudu - Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, merasmikan pembukaan Pejabat MPOB Cawangan Kota Marudu, Sabah bagi memudahkan penyaluran khidmat nasihat kepada pekebun kecil sawit kawasan sekitarnya.

Pejabat Kota Marudu adalah pejabat cawangan MPOB yang ketujuh ditubuhkan di Sabah selepas pejabat cawangan di Kota Kinabalu, Lahad Datu, Sandakan, Tawau, Keningau dan Telupid.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, melalui pembukaan Pejabat Cawangan Kota Marudu, pekebun kecil sawit berdekatan terutama dari Kudat, Pitas, Satinangoh dan Kota Belud tidak perlu berkinjung ke Kota Kinabalu untuk berurusan berkaitan tanaman sawit.

**Tajuk : RM 2.9 BILION PERKASA PEKEBUN KECIL**

**Tarikh : Berita Harian, 3 November 2012**

Melaka - Sebanyak RM 2.9 bilion diperuntukkan kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) untuk membantu memperkasakan kira-kira 700 000 pekebun kecil di negara ini menerusi Bajet 2013 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata peruntukan berkenaan turut membantu usahawan komoditi utama negara yang merangkumi sawit, getah, koko, lada, kenaf dan kayu.

Menurutnya, industri sawit negara tahun lepas menyumbang sebanyak RM 141.2 bilion kepada pendapatan eksport negara. Nilai berkenaan adalah 20% daripada keseluruhan eksport negara berjumlah RM 695 bilion dan ia lebih tinggi daripada petroleum dan gas.

**Tajuk : MPOB LANCAR JENTERA ANGKUT PELBAGAI GUNA**

**Tarikh : Berita Harian, 3 November 2012**

Bangi - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melancarkan jentera pengangkut sawit dilengkapi tayar yang boleh digunakan di semua keadaan permukaan tanah dikenali sebagai *Rhyno*.

Sambungan dari muka surat 11

*Rhyno* dibangunkan dengan kerjasama Mizou Holdings Sdn Bhd sebagai kesinambungan kepada jentera pengangkut sawit dikenali *Beluga* yang sebelum ini dibangunkan khas bagi kerja mengangkut sawit di kawasan tanah gambut.

Berasaskan kejayaan jentera *Beluga*, MPOB dan Mizou mengembangkan kerjasama dengan memperkenalkan jentera *Rhyno* yang lebih kompak dan berdaya saing bagi kegunaan di ladang sawit serta lebih mudah dikendalikan.

Tan Sri Bernard Dompok melancarkan jentera *Rhyno* sempena perasmian Seminar Kebangsaan Mekanisasi Ladang Sawit 2012.

Tajuk : **MALAYSIA HASILKAN 80 TAN BIOJISIM SAWIT SETIAP TAHUN**

Tarikh : **Utusan Borneo Sarawak, 19 Oktober 2012**

Kuala Lumpur - Industri sawit Malaysia setiap tahun menghasilkan 80 juta tan biojisim sawit berasaskan berat kering yang terdiri tandan kosong, fiber mesokarpa, batang sawit dan juga pelepah sawit setiap tahun.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainuddin, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 45 juta tan efluen kilang sawit mengandungi biojisim pejal juga dihasilkan.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Biojisim Sawit 2012 anjuran MPOB. Katanya lagi, industri berkaitan sawit menyelesaikan masalah biojisim yang terlalu banyak contohnya penggunaan kaedah tradisional seperti menggunakan tempurung dan fiber mesokarpa sebagai bahan bakar *boiler* yang menghasilkan stim untuk pemprosesan dan bekalan elektrik menjimatkan kos bahan bakar.

Sambungan dari muka surat 3

*Cantas* di bawah Skim *Cantas* untuk Semua (SCANS) kepada koperasi penanam sawit mampan di Sabah. Beliau juga telah melancarkan baja MPOB F2 Super-K hasil kerjasama MPOB dengan CCM Fertilisers yang dijangka akan dapat memenuhi keperluan pekebun kecil. Baja MPOB F2 Super-K ini merupakan baja sebatian yang mengandungi sumber nutrien premium yang seimbang dan berupaya meningkatkan penghasilan buah sawit. Formulasi 7 - 3 - 30 + B serta bahan mineral bermutu tinggi, baja MPOB Super-K berupaya mengurangkan masalah licih atau larut lesap dan membolehkan tanaman mengambil nutrien yang dibekalkan terutamanya di tanah gambut.

Pada persidangan kali ini, sebanyak 19 kertas kerja dan satu kertas ucap tama dibentangkan dalam empat sesi iaitu i) Tekonologi Baru: Asas Transformasi Produktiviti, ii) Koperasi, Pensijilan dan Insentif: Tonggak Transformasi Pekebun Kecil, iii) Melestari Produktiviti Pekebun Kecil dan iv) Model Peladang Jaya Sawit.

Pada ucapan penutup persidangan yang disampaikan oleh Dr Ahmad Kushairi Din, Tim-

balan Ketua Pengarah (Penyelidikan) MPOB, beliau berharap pekebun kecil dapat menerima guna teknologi baru dan berusaha untuk meningkatkan produktiviti sawit mapan. Beliau menyeru agar penanam sawit terutamanya pekebun kecil mengamalkan pertanian baik dan menggunakan teknologi baru dalam pengurusan sawit. Ini bagi meningkatkan pengeluaran hasil sawit berkualiti dan memperoleh pendapatan yang lumayan. Peningkatan produktiviti dan penghasilan produk sawit berkualiti seterusnya akan dapat menjana pendapatan industri dan memperkukuhkan daya saing. Beliau juga berharap segala maklumat yang disampaikan sepanjang persidangan dua hari ini dapat dimanfaatkan dan disampaikan kepada penanam sawit yang lain.



Sumbangan:  
Nur Hanani Mansor  
(nurhanani@mpob.gov.my)

# TAHUKAH ANDA?

## KURSUS OPERATOR MEKANISASI LADANG (KOML)

Salah satu Dasar Komoditi Negara adalah membangun dan memperkasakan modal insan yang memfokuskan peningkatan bilangan tenaga kerja mahir dan separa mahir di kalangan rakyat tempatan. Ini bagi memacu pemodenan dan meningkatkan daya saing industri komoditi negara.

Sehubungan itu, MPOB mengambil inisiatif menawarkan kursus kemahiran kepada belia tempatan dalam pengendalian peralatan mekanisasi di samping tugas utamanya sebagai badan penyelidikan sawit negara. Sehingga kini, MPOB adalah satu-satunya agensi (kerajaan atau swasta) yang menawarkan kursus dalam pengkhususan mekanisasi ladang di sektor perladangan sawit. Penganjuran Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) melibatkan kos yang tinggi dalam memberi bantuan pengajian dan penyediaan peralatan pengajaran serta pembelajaran. Bagaimanapun dengan adanya pekerja yang berkemahiran dalam bidang mekanisasi ladang, ia dapat menambah hasil pengeluaran komoditi, membantu meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh terutama tenaga asing di samping mendedahkan pelatih menjadi usahawan kecil (PKS) dalam bidang penjenteraan ladang.

KOML membuat pengambilan pertama pada Julai 2006 dengan seramai lapan pelatih yang dijalankan di Pusat Penjenteraan Ladang, Bangi. Pada 14 Februari 2011, KOML telah berpindah ke kampus tetap di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Kompleks MPOB Keratong yang merupakan kampus Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. PLASMA Keratong telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam memberi latihan kursus kemahiran bagi melayakkan pelatih mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di samping sijil yang dikeluarkan oleh MPOB. Kursus yang ditawarkan



Rajah 1. Antara aktiviti yang diajar dalam KOML iaitu mekanisasi tapak semeian sawit dan pengangkutan dalam ladang.

ini adalah mengikut NOSS (*National Occupational Skill Standard*) yang mana silibusnya disediakan oleh mereka yang berkemahiran dari industri sawit seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia.

Sistem pembelajaran yang dibuat adalah berorientasikan kemahiran yang memfokuskan kepada amali dengan nisbah masa yang diperuntukkan untuk masa pembelajaran teori kepada amali adalah 30:70. Pembelajaran amali adalah sangat penting kerana kursus yang dijalankan adalah kursus kemahiran dengan setiap pelatih perlu lebih kompeten dengan topik amali yang diajar.

KOML menawarkan kursus jangka pendek dan jangka panjang. Kursus jangka panjang ditumpukan kepada golongan belia tempatan yang ingin melibatkan diri dalam industri sawit. Sementara kursus jangka pendek pula lebih bermanfaat kepada individu yang berkecimpung dalam bidang sawit tetapi berminat untuk menambah pengetahuan dalam topik yang ditawarkan oleh program ini. Antara topik yang ditawarkan adalah berkenaan mekanisasi perladangan sawit secara menyeluruh iaitu penyedi-

Sambungan dari muka surat 13



Rajah 2. Majlis penganugerahan sijil kepada pelatih KOML.

aan tanah, teknologi penanaman sawit, kawalan rumpai, penyakit dan perosak sawit dan teknologi penuaian sawit.

Melalui KOML, setiap peserta perlu mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) ladang yang telah ditetapkan. Selain itu, pelatih juga berpeluang memperoleh lesen kelas F untuk Traktor dan H untuk Jengkaut melalui kerjasama yang dijalankan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

### Peluang Kerjaya

Pelatih yang berjaya menamatkan Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) berpeluang membina kerjaya yang cerah dalam bidang mekanisasi ladang serta menceburi bidang usahawan seperti pengendalian bengkel, penyelia ladang, kontraktor ladang dan sebagainya. Lepasan KOML sehingga Oktober 2012 telah mencecah 688 pelatih. Sebahagian besar pelatih lepasan KOML iaitu 78% telah mendapat pekerjaan dan ada di antara mereka yang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi mereka yang berminat mengikuti kursus ini, boleh memohon dengan cara muat turun borang permohonan di [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my) atau sertai komuniti KOML di laman facebook.com (carian: KOML).



Sumbangan:  
Mohd Solah Deraman  
(solah@mpob.gov.my)

## JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 51/(2) 2012 (MEI-OGOS)

1.
  - i. Meningkatkan kualiti buah sawit di pintu kilang dengan bantuan Pegawai MPOB;
  - ii. Menguatkuasakan penggredan ke atas buah sawit yang diterima berdasarkan Garis Panduan Penggredan Buah Sawit MPOB;
  - iii. Kilang sawit dan peniaga buah sawit dimestikan melantik penggred yang kompeten dan diiktiraf oleh MPOB;
  - iv. Harga buah sawit hendaklah dibayar mengikut kualiti buah yang diterima; dan
  - v. Meningkatkan kecekapan proses pengilangan buah sawit.
2. Bakteria endofit bertindak sebagai penghalang di mana ia bersaing dengan kulat *Ganoderma* untuk mendapatkan sumber makanan dan penggunaan ruang yang terdapat dalam sistem pokok sawit yang diperlukan untuk pertumbuhannya.
3. Vermikulit berfungsi dalam memelihara dan mengekalkan kestabilan serta keberkesanan bakteria yang digunakan semasa tempoh penyimpanan.
4. Tujuan Kod Amalan Baik MPOB ini diwujudkan adalah untuk menjamin kualiti dan keselamatan makanan serta kelestarian industri sawit dalam semua rantai bekalan minyak sawit.
5. Jentera pengangkut *Badang* digunakan untuk mengangkut keluar BTS dari kebun ke tepi jalan.

# DIARI & PERISTIWA

## SEPTEMBER-DISEMBER 2012

Program	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
<b>Taklimat Skim Tanam Semula Sawit (TSSPK), Skim Tanam Baru Semula Sawit (TBSPK) dan Skin Diskaun <i>Cantas</i></b>	9/9/2012	Rh. Jonathan Juing, Saratok, Sarawak	50
	21-24/09/2012	Ekspo Antarabangsa Sabah	300
	22/9/2012	<i>Hello Komoditi</i> , Mersing, Johor	300
	26-27/9/2012	Bakong, Sarawak	50
	1/10/2012	Rh. Hj. Sg. Bekelip, Hulu	47
	4/10/2012	Bintulu, Sarawak	98
	9/10/2012	Bukit Gambir, Johor	128
	10/10/2012	Batu Niah, Sarawak	113
	10/10/2012	Dewan Masyarakat Sepupuk, Niah, Sarawak	108
	23-24/10/2012	Seminar Kebangsaan Mekanisasi Ladang Sawit 2012, Bangi, Selangor	56
	30/10/2012	Dewan Baru Kg Sadong Jaya, Jalan Pesantren, Sarawak	126
<b>Program Pensijilan Promosi GAP dan Koperasi</b>	19/9/2012	Balai Raya Kg Muhibah, Paloh, Johor	27
	20/9/2012	Plot Demo, Sg. Kerang, Perak	119
	21/9/2012	Balai Raya Kg Sri Paya, Kulai, Johor	12
	24/9/2012	Balai Raya Kg Paya Sok, Kuala Krau, Temerloh, Pahang	25
	9/10/2012	Balai Raya Kg Harmoni, Mukim Ijok, Selangor	50
<b>Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit</b>	10-11/9/2012	Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah	394
<b>Kursus Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan</b>	12/9/2012	Balai Raya Kg Ladang Gaddes, Jempol, Negeri Sembilan	108
<b>Kursus Sehari Sawit</b>	12/9/2012	Kompleks Bimbingan Usahawan Tani, Pagoh, Johor	54
	19/9/2012	Dewan Persatuan Kwan Tung, Sitiawan, Perak	34
	20/9/2012	Plot Demo Sg. Kerang, Perak	119
	25/9/2012	Dewan Suarah Daerah Limbang/ Kebun Sawit Pekebun Kecil Limbang, Sarawak	150
	4/10/2012	Dewan Balai Raya Sebauh, Pekan, Sabauh, Sarawak	94
	30/10/2012	Dewan Baru Kg Sg. Iboi, Sadong Jaya, Sarawak	126
<b>Program Jelajah Janji Ditepati</b>	29/09/2012	Stadium Tertutup Paroi, Nilai, Negeri Sembilan	50 000
	14/10/2012	Pusat Sukan Kudat, Sabah	50 000
	8/12/2012	Padang Kawat Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang	50 000
<b>Program <i>Walk for Health</i></b>	29/9/2012	Bangunan MPIC, Putrajaya	7 000
<b>Program Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2012</b>	2/10/2012	Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, Melaka	1 000
<b>Program YB Menteri Bersama Pekebun Kecil</b>	12/11/2012	Kota Marudu, Sabah	500?
<b>Pameran Antarabangsa Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2012)</b>	23/11/2012 – 2/12/2012	Malaysian Agro Exposition Park (MAEPS) Serdang, Selangor	4 000 000

# Berita Bergambar



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) (tengah) bergambar kenangan bersama penerima Anugerah Peladang Jaya mengikut komoditi sempena Program Persidangan Pekebun Kecil dan Usahawan Komoditi Kebangsaan 2012 di Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka pada 2 Oktober 2012. Turut Kelihatan Datin Paduka Nurmala Abd. Rahim, Ketua Setiausaha 1, MPIC (lima dari kiri) dan Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB (empat dari kiri).

Dato' Hamzah Zainudin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tengah) melambai tangan kepada orang ramai yang hadir memeriahkan program Walk for Health yang diadakan di hadapan bangunan MPIC, Putrajaya pada 29 September 2012.



Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak menyampaikan kupon Bantuan Tanam Semula Sawit kepada penerima Skim Tanam semula Sawit Daerah Kudat, Sabah sempena program Jelajah Janji Ditepati peringkat Negeri Sabah bertempat di Pusat Sukan, Kudat, Sabah pada 14 Oktober 2012.



Tan Sri Bernard Dompok (tengah) merasmikan pejabat MPOB cawangan Kota Marudu, Sabah dengan menandatangani plat sempena Majlis Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit Kota Marudu, Sabah di Dewan Komuniti Kota Marudu, Sabah pada 12 November 2012.



Pegawai TUNAS memberikan penerangan kepada pekebun kecil semasa sesi pertunjukan kaedah yang diadakan di kebun En Dawat di Kg. Bangkuati, Limbang, Sarawak sempena Kursus Sehari Sawit pada 25 September 2012.

Pegawai MPOB dan Syarikat Pembekal memberikan penerangan mengenai mesin Cantas kepada pekebun kecil sempena Program Jom Guna Cantas Zon Tengah di Pusat Timbang, Bukit Changgang, Banting, Selangor pada 20 Disember 2012.



